

Peraturan Pakaian dan Kemasan Diri Pelajar UKM



Panduan Pakaian Pelajar Lelaki

1. Semua pelajar dikehendaki memakai dan mempamerkan kad pelajar.
2. Setiap pelajar hendaklah berpakaian sesuai dan kemas iaitu berseluar panjang dengan berbaju kemeja, baju-T berkollar atau 'bush-jacket' serta berkasut jenis biasa atau bersepatu (bukan selipar atau terompah).
3. Pada hari Isnin pelajar lelaki digalakkan memakai tali-leher.
4. Setiap pelajar hendaklah berambut pendek, kemas dan tidak mencecah kollar baju. Jika panjang atas sebab adat, mesti kemas.
5. Jika tidak berpakaian kemas mengikut peraturan, pelajar tidak dibenarkan memasuki Dewan Kuliah, Pejabat dan Majlis Rasmi.

Panduan Pakaian Pelajar Perempuan



1. Semua pelajar dikendaki memakai dan mempamerkan kad pelajar.
2. Setiap pelajar hendaklah berpakaian sesuai dan kemas. Pakaian kebangsaan masing-masing yang sesuai boleh dipakai asalkan tidak menjolok mata seperti melebihi paras lutut, ketat dan jarang.
3. Pelajar Islam digalakkan bertudung tetapi tidak menutup sebahagian atau seluruh daripada muka (berpurdah).
4. Jika memakai kain atau skirt, hendaklah labuh sehingga di bawah parat lutut dan sekiranya berbelah tidak melebihi paras lutut.
5. Jika pelajar memakai make-up, aksesori dan pewangi hendaklah secara sederhana.
6. Pelajar-pelajar dilarang berpakaian yang terlalu mendedahkan tubuh dan menjolok mata (seperti berskirt atau berseluar pendek di atas paras lutut, berblaus yang tidak berlengan dan tidak berkollar, berseluar yang terlampau ketat dan berselipar). Baju tanpa lengan dan seluar pendek boleh dipakai di dalam bilik masing-masing sahaja.
7. Jika tidak berpakaian kemas mengikut peraturan, pelajar tidak dibenarkan memasuki Dewan Kuliah, Pejabat dan Majlis Rasmi.

Jabatan Perkhidmatan Pelajar